



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15.11.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JKPTG			



DR Ahmad Idham ketika melawat kawasan banjir di Kampung Permatang Pasir, Linggi, Port Dickson.

Tanah dalam air laut ada 'tuan punya'

Port Dickson: Pelik apabila saya dapat tahu beberapa kawasan pantai hingga ke dalam air laut mempunyai tuan tanah dan memiliki geran," ujar calon parti Pejuang Port Dickson, Dr Ahmad Idham Ahmad Nadzri.

Menurutnya, perkara itu dibongkar ketika dia berkempen dan berjumpa pengundi di daerah ini yang mendedahkan isu hak milik tanah di laut.

"Perkara itu amat memranjatkan apabila mengetahu. Tanah pantai hingga ke dalam air laut ada 'tuan punya' yang ada geran. Perkara



Setahu saya laut dan sungai adalah rizab kerajaan, tetapi sebaliknya berlaku di Port Dickson"

Dr Ahmad Idham

seperti ini tidak seharusnya berlaku.

"Setahu saya laut dan sungai adalah rizab kerajaan, tetapi sebaliknya berlaku di Port Dickson," ka-

tanya ketika ditemui meninjau masalah banjir di Linggi di sini.

Katanya, ramai antara nelayan meluahkan rasa kesal mereka kerana situasi itu berlaku sejak puluhan tahun lagi.

"Memang saya rasa hairan kerana kawasan ini adalah rizab kerajaan, bagaimana keadaan ini boleh berlaku di Port Dickson," katanya.

Menurutnya, dia turut melawat kawasan banjir di Kampung Permatang Pasir, Pasir Panjang untuk melihat dan menyantuni pen-

uduk.

"Antara rumah yang memasuki air adalah rumah seorang komuniti yang pernah saya ziarahi ketika misi Jelajah Komuniti sebelum ini. Penghuninya mempunyai anak istimewa.

"Sayu hati saya apabila mendengar luahan dan cerita mereka berkenaan isu banjir yang berlarutan sekian lama," katanya.

Dr Ahmad Idham berkata, dia mengambil inisiatif menggerakkan jentera pasukannya untuk sentiasa mengemaskini keadaan dan memberikan bantuan.

HM151122_02

